



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA : JBPM/SL/SH/(S)/07-2015)

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-


Tajuk Projek	Taraf / Jenis Sykt *	Syarat Sebutharga	Tarikh iklan Dibuka	Tarikh Iklan Ditutup
<p>Cadangan Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Elektrikal Dan Mekanikal Di Balai Bomba Dan Penyelamat Kota Raja, Klang Selatan, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Taklimat dan Lawatan Tapak</p> <p>Kehadiran : DIWAJIBKAN</p> <p>Tarikh : 26/2/2015</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat : Balai Bomba dan Penyelamat Kota Raja, Klang, Selangor</p>	<p>Terbuka / T1</p> <p>Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari</p>	<p>Dibuka kepada kontraktor berdaftar di Negeri Selangor dan W.P. Kuala Lumpur</p> <p>Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan industri Pembinaan (LPIPM/CIDB) dalam Gred G2 / G3, Kategori B, ME dan Pengkhususan B04 (Kerja Am Bangunan), M15 (Kelengkapan Mekanikal Pelbagai), E11 (Kerja Am Elektrik)</p> <p><i>Penyebutharga diwajibkan menyertakan sijil dari Suruhanjaya Tenaga Kekompeten PW4 bagi kerja-kerja elektrik.</i></p>	<p>Tarikh: 23.2.2015 (Isnin)</p>	<p>Tarikh: 9.3.2015 (Isnin) Jam: 12.00 Tengahari</p>

* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi di **Unit Kewangan Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai 26 Februari 2015 (Khamis) selepas lawatan tapak.
3. Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **26 Februari 2015 (Khamis)**, jam 10.00 pagi di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Raja, Klang Selangor **KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN**.
4. Kontraktor hendaklah membawa Sijil Asal masih sah bagi **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor/Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera** dengan **PKK** (jika ada) hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.
5. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan/atau tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada 26 Februari 2015 (Khamis).**
6. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Unit Kewangan Aras 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor, No.3, Persiaran Tebar Layar, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, 9 Mac 2015 (Isnin). Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat www.bomba.gov.my

Tarikh : 23 Januari 2015

Tandatangan :


OTHTMAN BIN ABDULLAH

Nama Pegawai : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor Darul Ehsan

Jawatan :